

## Ahmad Idham mahu tarik tayangan *Qhaliq*

KUALA LUMPUR – Pengedar filem aksi *Qhaliq*, AIFA Motion Pictures Sdn. Bhd.

akan menghantar surat rasmi kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) untuk menarik balik tayangan cerita tersebut yang sepatutnya bermula esok.

*Qhaliq* merupakan filem mengenai bomba pertama Malaysia yang menggunakan Hairul Azreen sebagai tunjang utamanya.

Pemiliknya yang juga pengarah terkenal, Ahmad Idham Ahamd Nadzri berkata, keputusan itu dibuat bagi memberi laluan kepada filem *Dukun* terbitan Astro Shaw yang juga akan ditayangkan pada tarikh sama.

Menafikan merajuk atau takut, Idham berkata, dia tidak mahu bersaing sesama sendiri kerana sedar industri perfileman tempatan bukanlah besar.

“Saya tahu *Dukun* ialah sebuah filem yang hebat dan seba-



AHMAD IDHAM

gai orang lama, biarlah saya mengalah walaupun masih bingung mengapa ia secara tiba-tiba dimasukkan dalam senarai tayangan.

“Saya tidak menyalahkan pihak filem *Dukun* kerana apa yang mereka buat itu tidak salah, cuma dari segi etikanya mungkin sedikit tidak kena,” katanya pada sidang media khas di Our Private Place, Kondominium Villa Putri di sini semalam.

Selain itu, Idham juga mempersoalkan mengapa *Dukun* diberi laluan istimewa oleh Skim Wajib Tayang untuk ditayangkan secara tiba-tiba, malah mendapat sehingga 100 buah pawagam untuk tayangan.

Ketua Pengarah Finas, Datuk Fauzi Ayub pula semasa dihubungi *Kosmo!* memberitahu, pihaknya tidak berhak menarik balik filem yang akan atau sedang ditayangkan di pawagam setelah mendapat kelulusan



POSTER filem *Qhaliq*.

Lembaga Penapisan Filem.

Katanya, begitu juga soal jumlah tayangan sekiranya pihak penerbit melakukan perbincangan dengan pemilik pawagam.

Difahamkan, pihak Astro Shaw akan mengadakan sidang media khas mengenai filem tersebut pada hari ini.